

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA [SIPITANG]

TARIKH : 2.7.2019 (SELASA)

SOALAN : 36

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan langkah jangka panjang meningkatkan bekalan air luar bandar di Sarawak dan Sabah, terutama kawasan Parlimen Sipitang yang masih dihadapi penduduknya sejak sekian lama tanpa penyelesaian secara tuntas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, mekanisme pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Sarawak dan Sabah adalah bergantung kepada senarai keutamaan yang dipohon oleh pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Kementerian sentiasa melibatkan Agensi Kerajaan Negeri seperti UPEN, Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan Sarawak, Kementerian Utiliti Sarawak (MOU), Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Negeri Sarawak, Kementerian Pembangunan Infrastruktur (KPI) Sabah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Sabah dan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) dalam semua perbincangan, penyelarasan dan semak silang sebelum pelaksanaan sesuatu projek dan permohonan belanjawan. Kementerian juga telah mewujudkan Jawatankuasa Bersama di antara Kerajaan Negeri dan Kementerian ini bagi memastikan pelaksanaan projek lebih efisien.

NO. SOALAN:36

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian ini sedang melaksanakan dua (2) projek di kawasan Parlimen Sipitang. Projek-projek tersebut adalah Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Negeri Sabah Zon 3 – Daerah Beaufort yang dianggarkan bernilai RM5.23 juta. Projek ini melibatkan kampung-kampung di kawasan Parlimen Kimanis, Beaufort dan Sipitang dan akan memberi manfaat kepada 287 buah rumah. Projek akan ditender pada Julai 2019. Projek terkini yang masih dalam peringkat perancangan adalah Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Tahun 2018/2019 Negeri Sabah – Bahagian Beaufort yang dianggarkan bernilai RM10.3 juta. Projek ini melibatkan kampung-kampung di kawasan Parlimen Beaufort dan Sipitang dan dijangka akan memberi manfaat kepada 249 buah rumah. Projek ini masih di dalam peringkat perlantikan perunding dan jurukur tanah.

Walau bagaimanapun, segala pelaksanaan projek BALB adalah tertakluk kepada peruntukan yang disediakan Kerajaan dengan syarat mematuhi skop dan kriteria program Bekalan Air Luar Bandar (BALB).